



**MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PELANCONGAN ISLAM
16300 BACHOK
KELANTAN**

Tel: 09-7787636

Faks: 09-7789533

PEMBERITAHUAN

**IKLAN TAWARAN PAJAKAN TANDAS AWAM (JPS)
PANTAI IRAMA TAHUN 2022**

Ruj. Fail : MDB 48/7/4/JLD.34

Tarikh : 3 Julai 2022

1. Tawaran adalah dipelawa kepada orang perseorangan atau Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang tinggal dalam Jajahan Bachok untuk memajak dan menguruskan Tandas Awam (JPS) Pantai Irama Bachok untuk tempoh satu (1) tahun 5 (bulan) bermula 1hb. Ogos 2022 hingga 31hb. Disember 2023. Pajakan tahunan dihadkan tidak kurang daripada RM 3,000.00 setahun iaitu bersamaan RM 250.00 sebulan.
2. Setiap orang yang hendak memasuki tawaran dikehendaki menyimpan wang pertaruhan/deposit sebanyak RM500.00. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya manakala penawar yang berjaya tetapi enggan menerima/menolak tawaran, wang pertaruhan akan dijadikan hasil Majlis Daerah Bachok.
3. Tawaran hendaklah dibuat melalui Borang Tawaran Pajakan yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam dengan harga sebanyak **RM 20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Sahaja)** senaskhah. Borang tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul beserta dengan resit Am Wang Pertaruhan. Sampul surat tawaran yang telah disempurnakan dan dimeterai hendaklah ditulis atasnya **"TAWARAN PAJAKAN TANDAS AWAM (JPS) PANTAI IRAMA TAHUN 2022"** dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di pejabat ini dan dialamatkan kepada:

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BACHOK,
16300 BACHOK, KELANTAN.**

Selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada 14 Julai 2022 (Khamis) bersamaan 14 Zulhijjah 1443H.


4. Penawar yang berjaya dikehendaki menandatangani surat perjanjian dan menjelaskan bayaran deposit atas kadar tiga (3) bulan pajakan.

5. Bayaran pajakan hendaklah dijelaskan sebelum atau pada 7 haribulan tiap-tiap bulan. Jika pemajak gagal berbuat demikian dalam tempoh tersebut pajakan boleh dibatalkan tanpa sebarang notis.
6. Bayaran Elektrik dan Air adalah tanggungjawab pemajak sepenuhnya untuk menjelaskan termasuk bayaran deposit.
7. Pemajak dikehendaki menjaga kebersihan tandas pada setiap masa hingga pihak majlis berpuas hati.
8. Penawar yang berjaya boleh memungut bayaran hasil dengan kadar yang difikirkan munasabah oleh pihak majlis.
9. Pemajak hendaklah memberi 30 hari notis jika hendak membatalkan pajakan. Pihak majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran samada tinggi atau sebaliknya. Keputusan Majlis adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”
“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN”

Saya yang menjalankan amanah,


MOHD EZAZEE BIN MOHD EMBONG
Setiausaha,
Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam.
b.p : Yang Dipertua
Majlis Daerah Bachok- Bandar Pelancongan Islam
Kelantan

s.k

1. YABrs. Tuan Yang Dipertua,
Majlis Daerah Bachok.
2. Semua Ahli Majlis Daerah Bachok-BPI.
3. MDB : 48/7/4/JLD.34
Tarikh : 3 Julai 2022